

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **KENYATAAN MEDIA KE ATAS ISU SCAM MLM OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)**

---

1. Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya telah mengambil maklum berkenaan laporan wujudnya sindiket yang menawarkan kursus perniagaan digital dengan menggunakan teknik pemasaran berbilang tingkat (MLM) yang didedahkan oleh Berita Harian(BH) baru-baru ini.
2. Bahagian Penguatkuasa telahpun menubuhkan satu *Task Force* untuk menyiasat perkara ini dan seramai 10 orang pegawai terlibat secara langsung dalam mengendalikan siasatan tersebut. Beberapa alamat dan syarikat telahpun dikenalpasti sebagai dalang kepada sindiket ini.
3. Pada peringkat ini, Bahagian Penguatkuasa telahpun memulakan siasatan dengan mengambil keterangan saksi-saksi yang terlibat. Siasatan pada masa ini dibuat di bawah Seksyen 27B Akta Jualan Langsung dan Seksyen 4(1) Skim Anti Piramid 1993 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.
4. Orang ramai juga disarankan agar sentiasa berhati-hati serta tidak melibatkan diri dalam skim seperti ini. Dalam pada masa yang sama, mana-mana orang yang mempunyai maklumat berkaitan perkara ini boleh menghubungi Enforcement Command Centre (ECC) di talian 03-88826088.

### **DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

Menteri  
Perdagangan dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna  
Putrajaya.  
Tarikh: 7 Februari 2019

